

21/06/1999

JKR sedia bantu projek rumah TPM

KUALA LUMPUR, Ahad - Jabatan Kerja Raya (JKR) sedia membantu pelaksanaan projek pembinaan rumah Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya, jika diminta berbuat demikian.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata walaupun JKR tidak terbabit dengan pembangunan di Putrajaya, pihaknya mempunyai kepakaran merancang dan mengawasi projek, khususnya membina jalan raya dan kemudahan asas.

Menurutnya, kesediaan JKR itu kerana berpuas hati dengan penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung keperluan membina rumah Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau berkata, pembinaan itu membuktikan keikhlasan Dr Mahathir yang masih memerlukan seorang timbalan.

"Sebelum ini saya juga keliru, macam mana orang yang rancang pembangunan tidak ambil kira negara ini ada satu TPM, seolah-olah bererti selepas Dr Mahathir, tidak ada TPM di negara ini," katanya selepas majlis konvokesyen Kolej Tafe, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pembinaan rumah Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya yang akan diteruskan untuk kemudahan pada masa depan.

(END)